

13/10/1998

Rakyat perlu berminda globalisasi

Maz

PERGOLAKAN demi pergolakan yang dialami oleh negara pasti merungsingkan banyak pihak. Saya sebagai generasi yang amat prihatin dengan perkembangan semasa pasti semua lapisan rakyat dapat merasakan keresahan yang dihadapi negara.

Bermula daripada krisis mata wang timbul pula masalah dalaman yang sudah cukup memberi tamparan hebat kepada negara kita yang kini diintai untuk dijadikan model pembangunan negara lain.

Tidak cukup dengan masalah itu ditambah lagi dengan sikap prejudis tidak berasas sama sekali dicetuskan oleh negara jiran yang pernah berada dengan kita suatu ketika dahulu.

Siapa sangka, siapa menduga di sebalik senyuman kita menjadi tuan rumah Sukan Komanwel XVI, sehingga kita mampu mencipta sejarah di arena sukan kedua tersohor di dunia itu, keresahan tetap tersirat jauh di sudut hati kita.

Malaysia tidak akan bermonolog sendiri menghadapi masalah ini, sebaliknya pergolakan dalaman negara sudahpun tersebar hasil kepesatan teknologi maklumat.

Sebenarnya penyakit seperti inilah yang menyebabkan masyarakat luar mengambil kesempatan mengeksploitasi isu negara sehinggalah perkara sejengkal boleh jadi sedepa, yang sememangnya kecil diperbesar-besarkan.

Sehinggalah negara kita yang sememangnya kecil ini mampu menerima liputan antarabangsa entah apa-apa jua, dalam masa yang sama kita harus menyedari masih ada anasir yang bersikap 'pepat di luar, rencong di dalam' dan dalam diam meracuni pemikiran rakyat jelata.

Walau apa sekalipun, kita harus berbangga. Saya adalah generasi yang baru melangkah setapak mengikut arus perjuangan negara berasa bersyukur dan beruntung kerana menyedari hakikat kecil Malaysia adalah si kecil bertuah, kecil yang mampu melahirkan seorang pemimpin negara yang amat disegani seantero dunia. Sememangnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak pernah memandang sepi terhadap masalah negara.

Saya ingin membawa masyarakat pembaca menerokai sudut yang mungkin dianggap remeh. Cuba kita fikirkan apalah gunanya jika pemimpin negara khususnya Perdana Menteri saja yang bersuara lantang memberi kesedaran, sedangkan rakyat jelata masih lagi berselimut tidak menyedari cabaran demi cabaran yang sedang menunggu di hadapan.

Kita amat berbangga apabila melihat semangat tinggi ditonjolkan oleh rakyat setiap kali tanggal 31 Ogos.

Semacam ada keajaiban yang berlaku apabila ruang legar Dataran Merdeka riuh rendah dengan pekikan merdeka.

Tetapi apa yang menghairankan dua atau tiga hari selepas tarikh keramat itu rakyat kembali lesu.

Barulah kita sedar, rupa-rupanya laungan merdeka itu hanya sekadar laungan sahaja, sekadar memenuhi syarat setiap kali menyambut hari bersejarah itu. Perkara ini memang disedari tetapi sengaja pula berselindung di balik telunjuk. Sudah terlalu lama kita mencapai kemerdekaan namun nampaknya jiwa bangsa kita masih lagi dijajah oleh sikap pasif.

Menuju ke alaf baru ini wajarlah semua rakyat Malaysia berminda globalisasi. Sekali berpijak di bumi Malaysia selama-lamanya kita berganding bahu memadamkan api sentimen perkauman yang sengaja ditaburkan oleh sesetengah golongan yang terang-terang bermotif kepentingan sendiri.

Apa yang berlaku di sekeliling kita sudah cukup menginsafkan kita.

Pergolakan dalaman yang berlaku dalam negara seharusnya kita jadikan agenda untuk mencetuskan rasa keinsafan seterusnya menyahut seruan Perdana Menteri, bukannya mencari-cari jurang pemisah untuk berpecah belah laksana menyimbah minyak di atas api yang sememangnya sedang marak.

Sedarlah di mana kita berpijak bukannya menconteng arang di muka negara sendiri. Ada kalanya kita harus menerima kritikan. bukanlah bermaksud hendak membuka pekung di dada tetapi kita harus mengakui kelemahan diri.

Minda rakyat Malaysia tidak seharusnya bankrap memikirkan soal bagaimana membantu kerajaan menangani masalah ekonomi, begitu juga dengan masalah lain.

Akal yang telah dikurniakan kepada kita itulah yang sebaik-baiknya kita aplikasikan untuk menuju mercu jaya dengan intipatinya bersatu teguh, bercerai roboh.